



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2015

**PERATURAN BAGI MENGGUNAKAN
RUMAH PERANGINAN PERSEKUTUAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

29 Jun 2015

Dikeliling kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Badan Berkanun Persekutuan

Ruj. Kami : BPH.D.100-2/14/4 Jld.3(II)
Tarikh : 29 Jun 2015

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Badan Berkanun Persekutuan

SURAT PEKELILING AM BIL. TAHUN 2015

**PERATURAN BAGI MENGGUNAKAN
RUMAH PERANGINAN PERSEKUTUAN**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan-peraturan penggunaan Rumah Peranginan Persekutuan (RPP).

2. LATAR BELAKANG

Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri (BPH) bertanggungjawab untuk menguruskan Rumah Peranginan Premier dan Rumah Peranginan Eksekutif Persekutuan. Lokasi-lokasi RPP adalah di **Lampiran A1** dan **Lampiran A2**.

3. PENGURUSAN

- 3.1 RPP diuruskan oleh Setiausaha Bahagian, BPH ('Pengurusan BPH'). Walau bagaimanapun, beberapa RPP dikendalikan oleh pihak swasta yang dilantik oleh Kerajaan ('Operator') seperti di **Lampiran B**.

3.2 Pihak Pengurusan BPH berkuasa meluluskan permohonan penginapan di RPP kecuali permohonan menginap di United Kingdom. Kuasa meluluskan permohonan menginap di United Kingdom terletak di bawah bidang kuasa Pejabat Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri (kemudian disebut "Pejabat Perdana Menteri").

4. KELAYAKAN DAN KADAR

4.1 Kelayakan dan kadar sewa bagi menggunakan RPP adalah seperti di **Lampiran C1** dan **Lampiran C2**.

4.2 Semua anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri layak untuk memohon menginap di mana-mana RPP.

4.3 Anggota Perkhidmatan Badan Berkanun boleh dipertimbangkan untuk menginap di RPP tertakluk kepada kekosongan dan permohonan perlu dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tarikh menginap.

4.4 Pesara yang memiliki Kad Pesara Kerajaan Malaysia adalah layak untuk memohon menginap di RPP berdasarkan gred jawatan terakhir sebelum persaraan. Walau bagaimanapun **balu atau waris tidak layak**.

4.5 Setiap pemohon layak untuk menginap di RPP terhad kepada tiga (3) kali setahun.

4.6 Kelayakan untuk menginap kali keempat pada tahun yang sama hanya akan dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan Pengurusan BPH.

5. KAEDAH PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan boleh dibuat secara atas talian (*online*) melalui laman web BPH, www.bph.gov.my.
- 5.2 Permohonan secara *walk-in* diterima di semua RPP Eksekutif sekiranya terdapat kekosongan. Walau bagaimanapun, bagi RPP yang dikendalikan oleh Operator, kadar sewa bilik adalah tertakluk kepada kadar semasa pihak Operator.
- 5.3 Pemohon boleh membuat permohonan pelanjutan untuk menginap di RPP tertakluk kepada kekosongan dan kelulusan Pengurusan BPH.

6. KAEDAH PEMBAYARAN

- 6.1 Pembayaran boleh dibuat melalui kaedah berikut:
 - (a) secara atas talian (*online*) melalui laman web BPH. Resit bayaran perlu dicetak oleh pemohon sebagai bukti pembayaran; atau
 - (b) secara tunai di mana-mana pusat pembayaran Bahagian Pengurusan Hartanah.
- 6.2 Pemohon perlu memastikan bayaran dijelaskan kepada BPH **selewat-lewatnya tujuh (7) hari** daripada tarikh tempahan diluluskan. Jika bayaran gagal dibuat dalam tempoh yang telah ditetapkan, tempahan akan **terbatal**.
- 6.3 Tempahan yang dibuat dalam tempoh **kurang tujuh (7) hari** dari tarikh menginap, bayaran perlu dijelaskan dalam tempoh 48 jam.
- 6.4 Pemohon secara *walk-in* atau tetamu yang ingin membuat pelanjutan tempoh Peranginan hendaklah membuat bayaran di RPP secara tunai sebelum menginap pada tarikh berkenaan.

6.5 Deposit sebanyak RM50.00 akan dikenakan bagi setiap tempahan. Deposit hanya akan dikembalikan sekiranya tiada sebarang kerosakan atau kehilangan peralatan di dalam bilik yang disewa tidak lewat dari 30 hari selepas tempoh menginap.

7. PEMBATALAN TEMPAHAN

7.1 Pemohon boleh membuat pembatalan sesuatu tempahan tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh menginap. Walau bagaimanapun, bayaran balik tertakluk kepada potongan 50 peratus (%) daripada keseluruhan kadar sewa atau minimum RM50.00, yang mana lebih tinggi.

7.2 Bayaran tidak akan dikembalikan sekiranya:

- (a) Pemohon membatalkan tempahan kurang empat belas (14) hari daripada tarikh menginap;
- (b) Pemohon mengurangkan tempoh menginap dalam tempoh kurang dari empat belas (14) hari dari tarikh menginap; atau
- (c) Pemohon tidak mendaftar masuk pada tarikh yang diluluskan.

7.3 Pengecualian boleh diberikan jika pembatalan dibuat secara bertulis atas alasan urusan rasmi dan disertakan dengan dokumen sokongan. Kelulusan atau pengecualian adalah tertakluk kepada kelulusan Pengurusan BPH.

8. HAD TEMPOH PENGINAPAN

8.1 Tempoh masa penginapan yang dibenarkan bagi RPP dalam negara adalah tidak melebihi tujuh (7) hari manakala bagi RPP di luar negara adalah tidak melebihi empat belas (14) hari.

8.2 Tempoh satu (1) hari adalah mulai waktu daftar masuk, iaitu jam 2.00 petang, sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari berikutnya.

9. BILANGAN TETAMU YANG DIBENARKAN

9.1 Bilangan tetamu maksimum yang dibenarkan menginap adalah seperti berikut:

- (a) Unit 5 bilik - 10 dewasa dan 4 kanak-kanak;
- (b) Unit 4 bilik - 8 dewasa dan 4 kanak-kanak;
- (c) Unit 3 bilik - 6 dewasa dan 4 kanak-kanak;
- (d) Unit 2 bilik - 4 dewasa dan 4 kanak-kanak;
- (e) Bilik biasa - 2 dewasa dan 2 kanak-kanak.

9.2 Bayaran tambahan akan dikenakan sekiranya bilangan tetamu yang menginap adalah melebihi bilangan yang dibenarkan. Kadar bayaran adalah seperti berikut:

- (a) RM 10.00 - seorang dewasa;
- (b) RM 5.00 - seorang kanak-kanak
(umur tidak melebihi 12 tahun)

9.3 Bagi RPP yang dikendalikan oleh Operator, had bilangan tetamu dan bayaran tambahan yang dikenakan adalah tertakluk kepada keputusan oleh pihak Operator.

10. TANGGUNGJAWAB TETAMU

10.1 Semasa pendaftaran masuk, pemohon yang mendaftar masuk ("tetamu") hendaklah menunjukkan surat kelulusan penginapan, resit bayaran dan kad pengenalan/pasport.

10.2 Tetamu yang diluluskan penginapan hendaklah mendudukinya sendiri dan tidak boleh ditukar ganti kepada orang lain.

10.3 Bagi tetamu yang tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, hanya suami/isteri pemohon yang tersenarai dalam surat kelulusan penginapan dibenarkan untuk mendaftar masuk.

- 10.4 Tetamu hendaklah melaporkan dengan segera kepada Penyelia RPP jika terdapat peralatan yang rosak atau tidak lengkap berdasarkan senarai inventori di dalam unit yang diduduki.
- 10.5 Tetamu hendaklah memastikan segala peralatan dan kelengkapan yang disediakan di RPP digunakan dengan baik.
- 10.6 Tetamu hendaklah menjaga kebersihan premis yang diduduki termasuk kawasan persekitaran RPP.

11. KEMUDAHAN MEMASAK

Pengurusan RPP tidak menyediakan kemudahan memasak dan sajian. Walau bagaimanapun, kemudahan peralatan memasak ada disediakan di sebahagian RPP.

12. LARANGAN

Tetamu adalah **DILARANG** melakukan perkara-perkara berikut ketika berada dalam premis atau kawasan RP:

- (a) Membawa masuk haiwan peliharaan;
- (b) Membawa masuk makanan dan minuman yang tidak halal;
- (c) Mengadakan aktiviti yang bertentangan dengan kelaziman sosial dan kegiatan yang menyalahi undang-undang seperti perjudian, maksiat dan sebagainya; dan
- (d) Membawa keluar sebarang peralatan atau kelengkapan yang disediakan di RPP.

13. PERINGATAN

- 13.1 Pengurusan BPH berhak untuk menjalankan pemeriksaan bagi menguatkuasakan dan memastikan peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Am ini dipatuhi.

- 13.2 Bayaran ganti rugi akan dituntut oleh Pengurusan BPH daripada tetamu sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan ke atas peralatan dan kelengkapan yang disebabkan oleh kecuaiian atau kelalaian tetamu.
- 13.3 Tetamu yang didapati menyalahgunakan kemudahan serta melanggar peraturan, akan disenaraihitamkan dan laporan mengenainya akan dikemukakan kepada Ketua Jabatan masing-masing.
- 13.4 Bayaran semula deposit kepada tetamu akan dikurangkan sekiranya terdapat kerosakan atau kehilangan peralatan tertakluk kepada nilai yang dinyatakan dalam senarai inventori di setiap bilik.
- 13.5 Pengurusan BPH tidak akan bertanggungjawab untuk menyediakan peralatan dan kemudahan tambahan selain daripada kemudahan asas yang telah disediakan. Kemudahan asas ini adalah berdasarkan senarai inventori yang terdapat di dalam setiap unit RPP.
- 13.6 Tetamu adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan penggunaan RPP ini yang dikeluarkan oleh Pengurusan BPH dari semasa ke semasa.

14. TARIKH KUAT KUASA

14.1 Dengan terbitnya Surat Pekeliling Am ini, maka Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006, Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2010 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2013 adalah terbatal.

14.2 Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2015.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA)

Ketua Setiausaha Negara

LAMPIRAN A1

ALAMAT RUMAH PERANGINAN PREMIER:

- (a) Rumah Peranginan Persekutuan Bukit Fraser
(The Lodge)
Jalan Lady Maxwell
49000 Bukit Fraser
Pahang
- (b) Rumah Peranginan Persekutuan Cameron Highlands
Tanah Rata
39000 Cameron Highlands
Pahang
- (c) Rumah Peranginan Persekutuan Labuan
Jalan Sawangan Cina
Membedai
87009 Wilayah Persekutuan Labuan
- (d) Rumah Peranginan Persekutuan Tanjung Tuan, Port Dickson
(Regency Tanjung Tuan Beach Resort)
KM 8, Jalan Pantai
71050 Port Dickson
Negeri Sembilan
- (e) Rumah Peranginan Persekutuan Singapura
No. 2, Holt Road
Singapura 1024
- (f) Rumah Peranginan Persekutuan London (Hyde Park Gate)
58/59, Hyde Park Gate
Kensington, London SW7 5ED
United Kingdom

- (g) Rumah Peranginan Persekutuan London (York House)
2, York House
Apy 15, Church Street
Kensington
London W8 4EY
United Kingdom

- (h) Rumah Peranginan Persekutuan Transit Middlesex
9, Wykeham Close
Sipson
Middlesex
West Drayton
UB7 0LH
United Kingdom

LAMPIRAN A2

ALAMAT RUMAH PERANGINAN EKSEKUTIF:

- (a) Rumah Peranginan Persekutuan Bukit Fraser
Jalan Girdle
49000 Bukit Fraser
Pahang
- (b) Rumah Peranginan Persekutuan Cameron Highlands
Tanah Rata
39000 Cameron Highlands
Pahang
- (c) Rumah Peranginan Persekutuan Morib
KM 47 Jalan Morib
42700 Banting
Selangor
- (d) RPP Rumah Peranginan Persekutuan Tasik Kenyir
Pulau Sah Besar, Tasik Kenyir
21700 Kuala Berang
Terengganu
- (e) Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Pinang
No. 9, Jalan D.S. Ramanathan (Jalan Scott)
10350 Pulau Pinang
- (f) Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Langkawi
(Federal Villa)
Lot 612, Mukim Kedawang
Pantai Tengah
07000 Pulau Langkawi
Kedah
- (g) Rumah Peranginan Persekutuan Port Dickson
Km 18 Jalan Pantai
71050 Port Dickson
Negeri Sembilan

LAMPIRAN B

OPERATOR RUMAH PERANGINAN PERSEKUTUAN

Bil.	Rumah Peranginan Persekutuan	Operator
1.	Rumah Peranginan Eksekutif Langkawi	Langkawi Holiday Villa Sdn. Bhd.
2.	Rumah Peranginan Eksekutif Port Dickson	Puteri Beach Resort, Tunas Larut Sdn. Bhd.

KADAR SEWAAN
RUMAH PERANGINAN PERSEKUTUAN PREMIER

RUMAH PERANGINAN	JENIS UNIT	KADAR SEWA	KELAYAKAN	
			Waktu Puncak	Luar Waktu Puncak
Cameron Highlands	Banglo 4 bilik	RM 200.00	Jusa A ke atas	Jusa C ke atas
Bukit Fraser - The Lodge	Banglo 3 bilik	RM 200.00	Jusa C ke atas	Jusa C ke atas
Port Dickson (KM 18, Jalan Pantai)	Banglo VVIP	RM250.00	Jusa C ke atas	Jusa C ke atas
Port Dickson (KM 8, Jalan Pantai)	Apartment 3 bilik	RM 150.00	Gred 48 ke atas	Gred 41 ke atas
Labuan	Banglo 5 bilik	RM 100.00	Gred 48 ke atas	Gred 41 ke atas
Singapura	Banglo 3 bilik	RM 250.00	Gred 48 ke atas	Gred 41 ke atas
London	Apartment 5 bilik (York House)	RM 800.00	Ketua Hakim, KSN, Menteri ke atas	Ketua Hakim, KSN, Menteri ke atas
	Apartment 3 bilik (Hyde Park) No.25	RM 500.00	Turus ke atas	Jusa C ke atas
	Apartment 3 bilik (Hyde Park) No.15	RM 400.00	Jusa C ke atas	Jusa C ke atas
	Apartment 2 bilik (Hyde Park) No.19 dan 24	RM 300.00	Jusa C ke atas	Jusa C ke atas
	Rumah Teres 2 bilik (RP Transit Sipson, Middlesex)	RM 250.00	Gred 48 ke atas	Gred 48 ke atas

KADAR SEWAAN
RUMAH PERANGINAN PERSEKUTUAN EKSEKUTIF

RUMAH PERANGINAN	JENIS UNIT	KADAR SEWA	KELAYAKAN	
			Waktu Puncak	Luar Waktu Puncak
Port Dickson**	Apartment VIP	RM 200.00	Gred 48 ke atas	Gred 48 ke atas
	Apartment 3 bilik	RM 150.00	Semua Gred	Semua Gred
	Apartment 2 bilik	RM 100.00	Semua Gred	Semua Gred
	Apartment 1 bilik	RM 100.00	Semua Gred	Semua Gred
	Apartment Studio	RM 90.00	Semua Gred	Semua Gred
	Banglo 3 bilik	RM 100.00	Semua Gred	Semua Gred
	Rumah Berkembar	RM 80.00	Semua Gred	Semua Gred
	Dewan Serbaguna	RM 100.00/hari		
Tasik Kenyir*	Banglo 3 bilik	RM 100.00	Semua Gred	Semua Gred
	Banglo 2 bilik	RM 80.00	Semua Gred	Semua Gred
	Asrama 40 katil setiap satu	RM 200.00 (1 asrama) RM 350.00 (2 asrama)	Semua Gred	Semua Gred
	Dewan Sendikit	RM 100.00		
	Dewan Mesyuarat	RM 80.00		
	Dewan Makan	RM 50.00		
Cameron Highlands*	Banglo 3 bilik	RM 150.00	Gred 48 ke atas	Gred 48 ke atas
	Apartment 2 bilik	RM 100.00	Semua Gred	Semua Gred
	Bilik Biasa	RM 50.00	Semua Gred	Semua Gred
	Bilik Mesyuarat	RM 80.00		
	Dewan Serbaguna	RM 100.00		
	Dewan Makan	RM 50.00		
	Asrama 30 katil setiap satu	RM 200.00	Semua Gred	Semua Gred
Pulau Langkawi*	Suite	RM 180.00	Gred 48 ke atas	Gred 48 ke atas
	bilik <i>Deluxe</i>	RM 100.00	Semua Gred	Semua Gred
	bilik <i>Standard</i>	RM 80.00	Semua Gred	Semua Gred
Bukit Fraser*	Banglo 6 bilik	RM 250.00	Semua Gred	Semua Gred
		(1 unit banglo)		
		RM 50.00	Semua Gred	Semua Gred
		(1 bilik kecil)		
		RM 60.00	Semua Gred	Semua Gred
(1 bilik besar)				
Pulau Pinang*	Suite <i>VVIP</i>	RM 200.00	Jusa A ke atas	Jusa C ke atas
	Suite <i>Exclusive</i>	RM 150.00	Gred 54 ke atas	Gred 54 ke atas
	Suite <i>Deluxe</i>	RM 100.00	Gred 41 hingga Gred 52	Semua Gred
	Dewan Serbaguna	RM 100.00		
	Dewan Makan	RM 50.00		
	Bilik Mesyuarat	RM 80.00		
Bilik Perbincangan	RM 50.00			

* Kadar sewa kemudahan tertakluk kepada caj semasa yang telah ditetapkan oleh BPH.

** Kadar sewa tertakluk kepada cukai semasa Kerajaan